

08/09/1998

Pelantikan Mustapa disokong

KUALA TERENGGANU, Isnin - Pelantikan Datuk Mustapa Mohamed sebagai Menteri Kewangan Kedua adalah langkah tepat dalam usaha membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memulihkan ekonomi negara.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata, dengan pengalamannya yang luas dalam bidang ekonomi, beliau diharap dapat memainkan fungsinya dengan baik.

Menurutnya, pelantikan itu juga menunjukkan keseriusan Dr Mahathir menangani kegawatan ekonomi dan beliau amat memerlukan sokongan padu daripada tokoh berwibawa seperti Mustapa.

Bercakap kepada pemberita selepas Mesyuarat Kementerian Pendidikan dan Exco Pendidikan Negeri di sini, beliau yakin Mustapa dapat memainkan peranan aktif dalam usaha itu.

Dr Mahathir hari ini mengumumkan pelantikan Mustapa sebagai Menteri Kewangan Kedua, manakala beliau sendiri akan memikul tanggungjawab Menteri Kewangan Pertama berkuatkuasa serta-merta.

Sementara itu, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata, beliau menyokong pelantikan itu dan menganggapnya hak Perdana Menteri.

Beliau percaya Dr Mahathir mempunyai kayu ukur yang jelas dalam membuat pelantikan itu dan percaya Mustapa mampu memikul beban tanggungjawab berkenaan.

"Perdana Menteri mempunyai alasan wajar dalam soal pelantikan Mustapa dan saya percaya kerjasama antara mereka, pemimpin lain dan rakyat akan membuahkan hasil dalam menangani kemelut ekonomi negara sekarang," katanya.

Di IPOH, Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yakin Mustapa mampu menjalankan tugasnya dengan berkesan berdasarkan latar belakang dan pengalamannya luas dalam bidang ekonomi.

"Beliau memang mempunyai latar belakang dalam bidang ekonomi dan pernah menjadi Timbalan Menteri Kewangan.

"Oleh itu, saya yakin beliau mampu menjalankan tugasnya dengan baik dan berkesan," katanya.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata pengwujudan dua jawatan Menteri Kewangan itu bersesuaian dengan keadaan semasa.

Menurut Mohd Khalid, langkah itu juga bersesuaian dengan tokoh yang diamanahkan menduduki jawatan berkenaan kerana beliau seorang yang sangat teliti dalam pengendalian urusan kerjanya.

Dengan mengambil kira Mustapa pernah menjadi Timbalan Menteri Kewangan, katanya, beliau boleh menjadi aset penting dalam menjalankan tugas sebagai Menteri Kewangan II.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata pelantikan itu tidak mengejutkan kerana sebelum ini Mustapa pernah menjadi Timbalan Menteri Kewangan.

"Saya ucapkan tahniah kepada Mustapa dan kerajaan Selangor akan memberi kerjasama penuh dalam segala usaha untuk pembangunan negeri dan negara," katanya selepas merasmikan pameran Imajan Sukan sempena Festival Kebudayaan Kuala Lumpur '98 -Sukan Komanwel XVI di Galeri Shah Alam, di sini hari ini.

Abu Hassan berkata, pelantikan ini adalah pendekatan bijak.

"Ini kerana Perdana Menteri masih mengekalkan jawatannya di Kementerian

Kewangan apabila menjadi Menteri Kewangan I.

"Saya percaya langkah Perdana Menteri ini selain memulihkan ekonomi negara juga untuk mengambil tahu masalah di kementerian itu," katanya.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohd Ali Rustam, menyifatkan pelantikan Mustapa sebagai tepat berdasarkan pengalamannya sebagai Timbalan Menteri Kewangan sebelum ini.

(END)